



**TEKS UCAPAN**  
**YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI**  
**KETUA MENTERI MELAKA**  
**SEMPENA**  
**MAJLIS PELANCARAN KEMPEN PROMOSI**  
***“MELAKAN VISIT MELAKA PACKAGES 3.0”***

**TARIKH: 12 MAC 2021 (JUMAAT), MASA: 2:55 PETANG**  
**DI CONVENTION HALL, FIRE FLY MAGICAL SHOW,**  
**FREEPORT A’FAMOSA OUTLET, ALOR GAJAH, MELAKA.**  
**(WAKIL: YB DATUK MUHAMMAD JAILANI BIN HJ KHAMIS)**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera, Salam

***“MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA,  
MENGAMIT DUNIA.”***

Terima kasih saudara pengacara majlis,

Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Hasim Bin Hasan,  
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka;

YBhg. Dato' Abdul Latif Hj Abu Seman,  
Director General, Malaysian Productivity Corporation  
(MPC);

Yang Berusaha Encik Sa'ari bin Basiron,  
Pengurus Besar  
Bahagian Promosi Pelancongan (BPP) Melaka;

Yang Berusaha En. Uzaidi bin Udanis,  
Pengerusi,  
Champion Tourism Productivity Nexus,  
Malaysia Productivity Nexus;

Seterusnya, rakan-rakan media, hadirin dan hadirat yang  
saya hormati sekalian.

## MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, pada hari ini, kita dapat hadir bersama-sama bagi melancarkan Kempen Promosi **“MELAKAN VISIT MELAKA PACKAGES 3.0”** demi merancakkan kembali sektor pelancongan sekali gus meningkatkan pertumbuhan ekonomi Negeri Melaka pasca COVID-19.

2. Terlebih dahulu, saya mewakili YAB Datuk Seri Utama Hj Sulaiman bin Md Ali, Ketua Menteri Melaka merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak penganjur kerana sudi menjemput saya hadir ke majlis pada hari ini. Saya juga ingin menyampaikan salam takzim daripada YAB Ketua Menteri Melaka, kerana tidak dapat bersama semua disebabkan ketentuan lain yang telah diatur terlebih dahulu dan tidak dapat dielakkan. Walau bagaimanapun, YAB Ketua Menteri mendoakan agar majlis ini berjalan lancar.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

### **MELAKAN VISIT MELAKA PACKAGES 3.0**

3. Seperti semua sedia maklum, Kempen Promosi **Melakan Visit Melaka Packages 1.0** telah dilancarkan pada 8 November 2020 bertujuan memulihkan pelancongan serta menggalakkan rakyat Melaka untuk bercuti di dalam negeri sendiri.

4. Kemudian, sekali lagi pada 21 November 2020, YAB Ketua Menteri Melaka juga telah melancarkan Kempen Promosi **Melakan Visit Melaka Packages 2.0 dan Perasmian Zoo Melaka Tunnel** untuk terus berusaha memperhebat sektor pelancongan negeri Melaka.
  
5. Berdasarkan laporan yang saya terima, sehingga 31 Disember 2020, sebanyak **58,465 pakej pelancongan melalui Kempen Melakan Visit Melaka Packages 2.0** telah terjual dengan jumlah pendapatan sebanyak **RM459,948.00**.

6. Saya lihat, terdapat **lima (5)** tempat tumpuan pilihan hati pelancong sepanjang kempen ini dijalankan iaitu muzium-muzium di bawah Perbadanan Muzium Melaka, Melaka River Cruise, Zoo Melaka, Melaka International Bowling Centre dan Taman Mini Malaysia & Mini ASEAN.
  
7. Untuk itu, saya ucapkan syabas kepada semua penggiat industri pelancongan Negeri Melaka yang sentiasa proaktif mempromosikan Melaka sebagai destinasi pelancongan yang terunggul di dunia dengan nilai pendapatan yang amat memberangsangkan dalam tempoh dua (2) bulan sahaja.



Saudara dan Saudari yang dihormati sekalian,

8. Saya dimaklumkan, sehingga September 2020, kita telah berjaya menarik seramai lebih **3.84 juta** pelancong ke Melaka. Justeru, demi memperkukuh kembali sektor pelancongan domestik, maka, pada hari ini Kerajaan Negeri Melaka dan BPP melancarkan semula Kempen Promosi “**MELAKAN VISIT MELAKA PACKAGES 3.0**” bertujuan merealisasikan sasaran **6.2 juta** pelancong pada tahun ini.

9. Apa perbezaan kempen promosi **MELAKAN VISIT MELAKA PACKAGES 1.0, 2.0 dan 3.0**? Baiklah, saya jelaskan sedikit ya... Pertamanya, promosi kempen 3.0 kali ini melibatkan **24 lokasi pelancongan** di Melaka berbanding kempen sebelum ini, yang hanya melibatkan 18 lokasi pelancongan. Kedua, tempoh promosi kempen 1.0 dan 2.0 hanya berkuat kuasa selama 2 bulan berbanding promosi kali ini, packages 3.0 akan berkuat kuasa sehingga **31 Disember 2021** iaitu selama **10 bulan**.

10. Antara 24 lokasi tersebut, saya tertarik dengan satu lokasi baharu iaitu ***FIREFLY Digital Art Museum*** yang terletak di sini, iaitu Freeport A' Famosa Outlet. Muzium yang bertemakan alam semula jadi, dilengkapi dengan persembahan cahaya dan teknologi seni digital ini, merupakan yang pertama dan terbesar di Malaysia. Bolehlah selepas ini, saudara saudari bawa anak-anak ke sini untuk menikmati keindahan alam semula jadi sambil belajar memelihara alam ciptaan tuhan.

Saudara dan Saudari yang dihormati sekalian,

**PROGRAM PENSIJILAN PATUHI DAN AMAL SOP COVID-19 NEGERI MELAKA FASA 1/2021**

11. Dalam kita meningkatkan tahap keyakinan para pelancong ke Melaka, kerajaan negeri juga amat menekankan pematuhan kepada Prosedur Operasi Standard (SOP). Oleh itu, BPP dengan kerjasama **Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)** telah melaksanakan **Program Pensijilan Patuhi dan Amal SOP COVID-19 Negeri Melaka** secara berperingkat.

12. Bagi Fasa 1/2021, sebanyak **500 premis pelancongan Melaka akan disijilkan** di mana **kos pendaftaran akan ditanggung sepenuhnya oleh pihak BPP**. Ini merupakan salah satu insentif kerajaan negeri dalam membantu penggiat industri pelancongan Negeri Melaka. Kita sepatutnya berbangga kerana pelancaran program ini menjadikan **Melaka sebagai Negeri Pertama 100% Patuh dan Amal SOP COVID-19 di Premis Pelancongan**.

Saudara dan saudari sekalian,

## **PENUTUP**

13. Saya percaya, dengan segala inisiatif yang dirancang ini termasuklah kempen mempromosi Melaka melalui tagline ***Melaka Is The Place To Be & Relax @ Melaka*** kita boleh mengangkat industri pelancongan ke tahap yang paling tinggi sekali gus mencapai sasaran pelancong yang ditetapkan tahun ini.

14. Saya mohon kerjasama dan sokongan berterusan daripada semua lapisan masyarakat agar bersama kerajaan negeri menjayakan kempen promosi **“MELAKAN VISIT MELAKA PACKAGE 3.0”** ini. Syabas dan tahniah juga saya ucapkan kepada Bahagian Promosi Pelancongan (BPP), Freeport A’Famosa Outlet (FOA), Fire Fly Magical Show serta semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung, dalam menjayakan inisiatif ini.

15. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim, saya mewakili YAB Ketua Menteri Melaka, dengan sukacitanya merasmikan pelancaran kempen promosi **“MELAKAN VISIT MELAKA PACKAGES 3.0”**.

Sekian,

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ